

Dr. M: Pengumuman Malaysia sebagai negara Islam tidak salah

PUTRAJAYA 11 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam adalah sah kerana tidak ada syarat tertentu untuk membolehkannya dibuat oleh mana-mana negara di dunia ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, pengumuman itu tidak salah kerana Islam diiktiraf sebagai agama rasmi Malaysia manakala majoriti penduduk negara ini pula merupakan penganut agama Islam.

"Kita dapati banyak negara Islam, terutamanya dalam Pertubuhan Persidangan Is-

lam yang mendakwa mereka negara sekular, tetapi masih dianggap sebagai negara Islam (sedahgkan) kita tidak kata kita negara sekular sebaliknya kita terima Islam sebagai agama rasmi.

"Kalau dia (Pengerusi DAP, Lim Kit Siang) boleh kata kita bukan negara Islam sedangkan banyak negara lain yang 'kurang' Islam daripada kitapun dianggap negara Islam... apa dia takrif negara Islam yang ditentukan oleh Kit Siang?"

"Kita negara Islam tetapi bukan ada kelayakan tertentu (perlu dipenuhi) sebelum

boleh diisytihar sebagai negara Islam, tegas beliau pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas tindakan Kit Siang kelmarin yang mempertikaikan pengisytiharan yang dibuatnya semasa masih menjadi Perdana Menteri tahun lalu bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Mengenai pihak yang mempertikaikan perisytiharan itu kerana tidak ada mufti negara, Dr. Mahathir berkata, pengwujudan jawatan tersebut bukanlah satu syarat untuk menentukan Islam ada tidaknya sesebuah negara itu.

"Di Malaysia, kita tahu soal agama duduk di bawah naungan raja-raja (dan) mereka yang melantik mufti masing-masing.

"Jadi kalau mereka bersetuju untuk adakan mufti negara kita boleh adakan tetapi setakat yang saya tahu mereka tidak bersetuju. Cuma ada mufti Wilayah Persekutuan, itu sahaja.

"Tetapi kita berpegang kepada Perlembagaan negara dan Perlembagaan kita tidak semestinya semacam dengan negara Islam lain," katanya.

Dr. Mahathir turut mengingatkan bahawa

walaupun Islam adalah agama rasmi, penganut-penganut agama lain masih dihormati dan dibenarkan melaksanakan amalan mereka di negara ini.

"Kita terima Islam sebagai agama rasmi tetapi ini tidak bermakna bahawa semua rakyat Malaysia mesti menganut agama Islam," tegas beliau.

Mengenai Kit Siang mempertikaikan hakikat bahawa Perdana Menteri negara ini merupakan orang Islam, Dr. Mahathir turut menyatakan bahawa pemimpin Malaysia tidak ditentukan berdasarkan agama yang mereka anuti.